

Cipta plastik boleh larut dalam air laut

HM 7/6/25 pg 27



PENYELIDIK menunjukkan sampel plastik boleh terurai dalam lautan. FOTO Reuters

Tokyo: Penyelidik di Jepun mencipta plastik yang larut dalam air laut dalam tempoh beberapa jam.

Walaupun saintis sudah lama mengkaji plastik boleh terurai secara biodegradasi, penyelidik dari RIKEN Center for Emergent Matter Science dan Universiti Tokyo menyatakan bahawa bahan baharu mereka, terurai dengan lebih cepat dan tidak meninggalkan kesan sisa.

Di sebuah makmal di bandar Wako berhampiran Tokyo, pasukan itu me-

nunjukkan sekeping kecil plastik hilang dalam bekas air garam selepas dikacau selama kira-kira sejam.

Walaupun pasukan itu belum memperincikan rancangan untuk pengkomersialan, ketua projek, Dr Takuzo Aida berkata, penyelidikan itu menarik minat yang besar, termasuk daripada pihak dalam sektor pembungkusan.

Pihak saintis di seluruh dunia kini berlumba-lumba membangunkan penyelesaian inovatif terhadap krisis sisa plastik.